

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1994/95**

APRIL 1995

RMT 557 - Pengurusan Projek 6

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Jelaskan ide-ide semasa tentang cara mempertingkatkan pengurusan dan organisasi firma binaan dan perunding profesional semasa firma-firma ini berkembang dari segi saiz dan skop perkhidmatan.

(b) Bagaimanakah ide-ide ini dapat diaplikasikan dalam konteks situasi di Malaysia sekarang ini, terutama kepada firma-firma binaan yang sedang merancang untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

(25 markah)

2. (a) Adalah salah satu fungsi pengurusan di setiap peringkat untuk memastikan perubahan diikuti sebagai respon kepada tekanan dan peluang sama ada dari dalaman atau luaran. Jelaskan bagaimana ide-ide semasa tentang motivasi dapat digunakan untuk membantu pengurus melaksanakan tugas kepimpinan ini.

(b) Bagaimanakah ide-ide ini dapat diaplikasikan oleh pengurusan di peringkat projek pembinaan.

(25 markah)

3. (a) Proses pembinaan dipengaruhi oleh perhubungan kontrak dan peribadi yang tidak baik. Bagaimanakah pengurus firma dan projek dapat menghindarkan, mengurangkan dan menyelesaikan konflik-konflik ini.

(b) Dalam situasi konflik, perundingan perlu diadakan. Komen secara kritikal isu-isu objektif perniagaan dan etika profesional dalam penyelesaian konflik dalam situasi permasalahan pembinaan dan kontrak.

(25 markah)

...2/-

4. Kementerian Kesihatan baru sahaja mentauliahkan dan akan mentauliahkan sejumlah 12 hospital nukleus di seluruh negara. Memandangkan tren penswastaan berleluasa sekarang ini, pengurusan kemudahan akan diswastakan.
- (a) Anda dikehendaki menyediakan senarai semakan awal untuk tujuan mendokumenkan aspek-aspek pengurusan kemudahan yang akan diswastakan.
 - (b) Dari senarai semakan ini, anda diminta mengenalpasti, dan memberi justifikasi ruang dan skop kemudahan yang akan berisiko tinggi dari segi ketidakmampuan entiti penswastaan memberikan perkhidmatan yang berkesan.

(25 markah)

5. Tanggungjawab pengurus pembinaan adalah luas. Sebagai ketua pengurus pembinaan sebuah syarikat pembinaan yang menjalankan projek beratus juta ringgit di Lembah Klang, anda diperlukan menyediakan pelan tindakan untuk skop-skop yang disenaraikan untuk dimajukan kepada Lembaga Pengarah syarikat untuk kelulusan dan implementasi dari tahap permulaan sehinggalah kepada pentauliahan.

Dari senarai di bawah, sediakan hanya dua Ringkasan Pelan Tindakan dan Justifikasi Ringkas kepada pelan tersebut.

- (a) Program Peningkatan Produktiviti
- (b) Program Peningkatan Kualiti
- (c) Program Peningkatan Keselamatan
- (d) Program Kawalan Kos dan Kewangan
- (e) Program Kawalan Loji
- (f) Program Kawalan Bahan

(25 markah)

6. Negara ini sedang dalam proses pembinaan mega yang melibatkan kos berbilion ringgit. Dalam kontroversi yang baharu sahaja timbul, pengurusan dua kontraktor telah dipersalahkan sebagai sebab utama kelewatan penyediaan projek Landasan Berkembar dan Elektrifikasi Keretapi Tanah Melayu. Kita telah dihujahkan dengan berbagai laporan media yang juga menjelaskan sebab kelewatan itu ialah perubahan dalam keperluan klien yang mungkin telah menyebabkan sebab utama kelewatan bermula.

Secara ringkas, disenaraikan sebab-sebab yang lebih berwajaran (tidak di dalam sebarang aturan kepentingan):

- (i) Spesifikasi keperluan klien tidak diperincikan semasa pemerolehan awal
- (ii) Tiada program kawalan keseluruhan yang berkesan dimulakan dan diimplementasikan
- (iii) Perubahan dalam spesifikasi Program Elektrifikasi
- (iv) Koordinasi Pakej-Pakej tidak berkesan
- (v) Kontraktor yang dikenalpasti tidak berpengalaman beroperasi bersama
- (vi) Kelewatan utama (bukan sebabnya) ialah dalam Kerja Elektrifikasi dan Kerja Bersangkutan.

...3/-

Sediakan ringkasan;

- (a) Bagaimana masalah ini dapat diselesaikan dan dikurangkan.
- (b) Bagaimana Program Elektrifikasi boleh disediakan pada masanya dan jika tidak, kenapa?

(25 markah)

oooOOooo

